

ARAHAN : SILA JAWAB DENGAN BETUL PADA KOTAK YANG DISEDIAKAN.

BIDANG AKIDAH : KEKUATAN DAN KEKUASAAN ALLAH & PANDUAN DARIPADA ALLAH

BAHAGIAN A (Soalan Objektif)

1. Kitab Injil diturunkan kepada siapa?

- A. Nabi Daud a.s
- B. Nabi Musa a.s
- C. Nabi Isa a.s
- D. Nabi Muhammad SAW

2. Berikut merupakan keistimewaan al-Quran berbanding kitab samawi yang lain **KECUALI**

- A. kandungannya lengkap dan mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia
- B. terpelihara sehingga kiamat
- C. al-Quran menasakhkan kitab-kitab terdahulu
- D. cantik dan menarik

3. Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang bukti Allah bersifat al-Qodir.

A	Allah berkuasa memberi rezeki kepada sesiapa sahaja yang berusaha.
B	Allah mencipta manusia.
C	Allah berkuasa mengurniakan mukjizat kepada nabi dan rasul.
D	Allah mencipta kepelbagaian manusia melalui DNA.

4. Al-Qodir dari segi bahasa bermaksud _____

- A. Yang kuat
- B. Yang menentukan
- C. Yang maha mencipta
- D. Yang maha suci



5. Antara berikut yang manakah bilangan suhuf yang BETUL diterima oleh para nabi mengikut Imam Ibn Kathir?

- I Nabi Musa a.s – 50 suhuf
- II Nabi Ibrahim a.s – 10 suhuf
- III Nabi Idris a.s – 30 suhuf
- IV Nabi Syith – 10 suhuf

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

6. Maksud suhuf ialah _____ yang mengandungi hukum dasar, kata-kata hikmah dan pengajaran kepada manusia.

- A. Peringatan
- B. kata-kata hikmah
- C. kalam Allah
- D. sunnah nabi

7. Kitab Injil diturunkan kepada Nabi Isa a.s dalam bahasa _____.

- A. Ibrani
- B. Arab
- C. English
- D. Siryani

8. Antara penemuan sains dalam al-Quran ialah proses kejadian manusia dan _____.

- A. kejadian kerusi dan meja
- B. kulit manusia
- C. cara buat donut
- D. cara menulis esei



9. Al-Qowiy dari segi istilah ialah _____.

- A. Nama Allah yang menunjukkan Allah Maha Kuat dan mempunyai kekuatan yang sempurna.
- B. Nama Allah yang Maha Memiliki segala kekuasaan.
- C. Nama Allah yang Maha Menyempitkan rezeki.
- D. Nama Allah yang Maha Menentukan Hukum.

10. Berikut merupakan bukti Allah bersifat al-Qowiy **KECUALI**

- A. Allah berkuasa memberi rezeki kepada sesiapa sahaja yang berusaha.
- B. Allah berkuasa mengazabkan sesiapa yang melakukan dosa dengan azab yang sangat pedih.
- C. Allah telah memusnahkan umat terdahulu yang kufur dan ingkar dengan ajaran nabi mereka serta menolong orang yang beriman dan beramal soleh.
- D. Allah menguasai seluruh alam meliputi matahari, bulan, bintang dan cakerawala.

